



14 Mei 2015  
14 May 2015  
P.U. (A) 85

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH PERUSAHAAN (PEREKODAN DIGITAL BAGI PROSIDING) 2015

### *INDUSTRIAL COURT (DIGITAL RECORDING OF PROCEEDINGS) RULES 2015*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PERHUBUNGAN PERUSAHAAN 1967

KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH PERUSAHAAN  
(PEREKODAN DIGITAL BAGI PROSIDING) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 28 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177], Yang Dipertua, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Mahkamah Perusahaan (Perekodan Digital bagi Prosiding) 2015.**

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 15 Mei 2015.

**Tafsiran**

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“digital”, berhubung dengan perekodan prosiding, ertiya perekodan yang menggunakan apa-apa kelengkapan, perisian tersuai, dan teknologi automatik untuk pengecaman pertuturan, di dalam bilik perbicaraan yang dikendalikan secara digital dan elektronik;

“media penyimpanan utama” ertiya pusat data di mana rekod digital bagi apa-apa prosiding disimpan;

“prosiding” termasuk apa-apa perbicaraan atau mana-mana bahagian perbicaraan itu, permohonan, keputusan, perintah, penghujahan atau apa-apa perkara lain yang dilakukan atau dinyatakan oleh atau di hadapan Mahkamah;

“rekod digital” ertiya suatu rekod digital dan elektronik bagi apa-apa prosiding yang dihasilkan oleh rakaman video dan rakaman audio di dalam bilik perbicaraan.

### **Perekodan prosiding**

3. Yang Dipertua atau Pengerusi boleh mengarahkan mana-mana prosiding di hadapan mana-mana Mahkamah untuk direkodkan, keseluruhannya atau sebahagiannya, secara digital.

### **Transkrip bagi rekod digital**

4. (1) Mana-mana pihak dalam mana-mana prosiding boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan transkrip bagi mana-mana rekod digital.

(2) Permohonan di bawah subkaedah (1) hendaklah dibuat dalam apa-apa bentuk dan mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Mahkamah.

(3) Apabila permohonan di bawah subkaedah (1) diterima, Yang Dipertua atau Pengerusi hendaklah menyebabkan transkrip bagi rekod digital itu disediakan.

(4) Transkrip hendaklah dibuat dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris.

(5) Transkrip hendaklah diluluskan dan diperakukan oleh Yang Dipertua, atau Pengerusi, yang bertanggungjawab bagi ketepatan perekodan prosiding itu.

(6) Jika ketepatan transkrip itu dipertikaikan oleh mana-mana pihak dalam prosiding itu, rekod digital yang disimpan di dalam media penyimpanan utama hendaklah menjadi rekod digital yang sah.

### **Jagaan selamat bagi rekod digital dan transkrip**

5. (1) Yang Dipertua atau Pengerusi hendaklah menyebabkan apa-apa rekod digital, atau transkrip bagi apa-apa rekod digital yang diluluskan dan diperakukan di bawah subkaedah 4(5), disimpan dalam jagaan selamat.

(2) Rekod digital dan transkrip tidak boleh dipadamkan, dimusnahkan atau selainnya dilupuskan—

- (a) dalam tempoh yang dibenarkan untuk membuat apa-apa permohonan bagi rujukan di bawah seksyen 33A Akta atau semakan kehakiman di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [P.U. (A) 205/2012], atau apa-apa rayuan berhubung dengan rujukan atau semakan kehakiman itu; dan
- (b) jika rujukan, semakan kehakiman, atau rayuan berhubung dengan rujukan atau semakan kehakiman yang disebut dalam perenggan (a) dibuat, sehingga rujukan, semakan kehakiman atau rayuan itu akhirnya diputuskan atau selainnya dihentikan.

(3) Apabila subkaerah (2) dipatuhi, peruntukan Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629] hendaklah terpakai bagi pemusnahan dan pelupusan rekod digital dan transkrip itu.

**Transkrip menjadi sebahagian daripada rekod, dsb.**

6. Transkrip bagi rekod digital yang diluluskan dan diperakukan di bawah subkaerah 4(5) hendaklah menjadi sebahagian daripada rekod, dan nota prosiding atau nota keterangan.

Dibuat 21 April 2015  
[KSM/PUU/(S)/600-1/2/7/1; PN(PU2)198/XII]

SUSILA SITHAMPARAM  
*Yang Dipertua*  
*Mahkamah Perusahaan*

Diluluskan 30 April 2015  
[KSM/PUU/(S)/600-1/2/7/1; PN(PU2)198/XII]

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM  
*Menteri Sumber Manusia*

## INDUSTRIAL RELATIONS ACT 1967

### INDUSTRIAL COURT (DIGITAL RECORDING OF PROCEEDINGS) RULES 2015

IN exercise of the powers conferred by section 28 of the Industrial Relations Act 1967 [Act 177], the President, with the approval of the Minister, makes the following rules:

#### **Citation and commencement**

1. (1) These rules may be cited as the **Industrial Court (Digital Recording of Proceedings) Rules 2015**.

(2) These Rules come into operation on 15 May 2015.

#### **Interpretation**

2. In these Rules—

“digital”, in relation to recording of proceedings, means the recording using any equipment, customized software, and automated technology for speech recognition, in a courtroom which is operated digitally and electronically;

“primary storage media” means the data centre where a digital record of any proceedings is stored;

“proceedings” includes any hearing or any part of the hearing, application, decision, ruling, submission or any other matter done or said by or before a Court;

“digital record” means a digital and electronic record of any proceedings produced by a video recording and an audio recording in a courtroom.

#### **Recording of proceedings**

3. The President or a Chairman may direct any proceedings before any Court to be recorded, in whole or in part, digitally.

**Transcript of digital record**

4. (1) Any party to any proceedings may apply to the Court for a transcript of any digital record.

(2) An application under subrule (1) shall be made in such form and manner as determined by the Court.

(3) Upon receipt of an application under subrule (1), the President or a Chairman shall cause a transcript of the digital record to be prepared.

(4) A transcript shall be made in the national language or English language.

(5) A transcript shall be approved and certified by the President, or a Chairman, who is responsible for the accuracy of the recording of proceedings.

(6) Where the accuracy of the transcript is disputed by any party to the proceedings, the digital record stored in the primary storage media shall be the authentic digital record.

**Safe custody of digital record and transcript**

5. (1) The President or a Chairman shall cause any digital record, or transcript of any digital record which has been approved and certified under subrule 4(5), to be kept in safe custody.

(2) The digital record and the transcript shall not be erased, destroyed or otherwise disposed of—

(a) within the period allowed for making any application for reference under section 33A of the Act or judicial review under the Rules of Court 2012 [P.U. (A) 205/2012], or any appeal in relation to such reference or judicial review; and

(b) if the reference, judicial review, or appeal in relation to such reference or judicial review referred to in paragraph (a) is made, until the reference, judicial review or appeal is finally determined or otherwise terminated.

(3) Upon compliance with subrule (2), the provisions of the National Archives Act 2003 [Act 629] shall apply for the destruction and disposal of the digital records and transcripts.

**Transcript to form part of record, etc.**

6. A transcript of a digital record which has been approved and certified under subrule 4(5) shall form part of the records, and notes of proceedings or evidence.

Made 21 April 2015  
[KSM/PUU/(S)/600-1/2/7/1; PN(PU2)198/XII]

SUSILA SITHAMPARAM  
*President*  
*Industrial Court*

Approved 30 April 2015  
[KSM/PUU/(S)/600-1/2/7/1; PN(PU2)198/XII]

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM  
*Minister of Human Resources*